



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Sekat laman sesawang lucah

BAGAIMANA untuk menyekat paparan laman web porno dalam sebuah komputer?

- **ACHIK, Ayer Hitam.**

TERDAPAT beberapa keperluan untuk menyekat paparan sesebuah laman sesawang seperti menyekat sesebuah laman web yang berbentuk porno, perjudian, tidak berakhlak, hiburan yang melampau dan sebagainya. Ia bertujuan mengelakkan daripada penularan jangkitan virus atau Malware dan berlaku kecurian data peribadi atau sulit dan lain-lain.

Terdapat pelbagai cara untuk menyekat sesebuah laman web kerana paparannya dalam sesebuah komputer melalui beberapa tahap atau lapisan pelantar seperti sistem pengoperasian berasaskan sistem Windows, Android dan lain-lain, dalam sistem rangkaian komputer seperti pada penghala (*router*), tembok api (*firewalls*) dan sebagainya atau pada aplikasi pelayar web seperti aplikasi *Google Chrome*, *Mozilla Firefox* dan lain-lain.

Seterusnya dibincangkan secara umum kaedah-kaedah yang boleh digunakan untuk menyekat sesebuah laman sesawang.

1 Pada tahap aplikasi pelayar laman sesawang terdapat beberapa aplikasi tambahan yang boleh digunakan untuk menyekat sesebuah laman web seperti seperti aplikasi *BlockSite*.

2 Terdapat aplikasi keselamatan seperti perisian anti-virus, perisian keselamatan internet dan seumpamanya yang boleh digunakan untuk menyekat sesebuah laman web. Antaranya adalah seperti aplikasi kepunyaan *AVG*, *Trend Micro* dan lain-lain.

3 Pada sistem pengoperasian bagi sesuatu sistem komputer, sesebuah laman sesawang boleh disekat pada konfigurasi sistem DNS dan *Hostnya*. Sebagai contoh bagi sistem Windows, dalam fail konfigurasi *hosts* boleh ditambah dalam baris yang baru dengan skrip, *127.0.0.1 www.satu.com*. Oleh itu, laman sesawang akan disekat dalam komputer tersebut. Ada sesetengah sistem pengoperasian terutama dalam telefon pintar dan komputer tablet terdapat fungsi khusus untuk menyekat sesuatu alamat laman sesawang menerusi alamat URL-nya.

4 Sesebuah laman web boleh disekat pada tahap capaian rangkaian komputer terutama capaian internet yang digunakan secara berkongsi seperti capaian internet menggunakan sistem *Proxy* atau sistem *Wi-Fi*. Sekatan boleh dibuat pada peralatan penghala atau pada aplikasi pelayan yang mengendalikan capaian internet menerusi sistem *Proxy* atau sistem *Wi-Fi*.

Diharapkan panduan ini dapat membantu menyekat sesebuah laman sesawang yang tidak dikehendaki dilayari. Paling mudah, hubungi syarikat pembekal perkhidmatan internet yang dilanggani untuk menyekat capaian mana-mana laman web yang dikehendaki.